

PERATURAN DAN ARAHAN PEPERIKSAAN KEPADA CALON-CALON PEPERIKSAAN SIJIL AMALAN GUAMAN (PINDAAN 6/2017), LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG, MALAYSIA

Semua calon hendaklah membaca dan mengambil perhatian terhadap peraturan dan arahan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman (PSAG) ini.

SEBELUM PEPERIKSAAN

1. Calon yang membawa kenderaan sendiri hendaklah meletakkan kenderaan di petak/tempat yang disediakan di sekitar Dewan Peperiksaan, Universiti Malaya dan mematuhi arahan Pengawal Keselamatan yang bertugas.
2. Semua calon mestilah berpakaian **KEMAS**, **SOPAN** (pakaian formal ke pejabat) dan **TIDAK MENJOLOK MATA** pada hari peperiksaan. Calon yang melanggar peraturan ini **TIDAK AKAN** dibenarkan masuk ke dalam Dewan Peperiksaan sehingga mengenakan pakaian yang bersesuaian.
3. Calon hendaklah berada di luar Dewan Peperiksaan yang telah ditetapkan seawal yang mungkin dan **tidak lewat daripada 45 minit** sebelum peperiksaan bermula.
4. Calon yang lewat hadir tetapi **tidak melebihi 30 minit** daripada waktu peperiksaan dimulakan **dibenarkan** untuk menduduki peperiksaan tetapi waktu tamat peperiksaannya bagi mata pelajaran yang berkenaan adalah sama dengan calon lain.
5. Calon yang datang **selepas 30 minit** daripada waktu sesuatu peperiksaan bermula **TIDAK AKAN** dibenarkan masuk ke dalam Dewan Peperiksaan dan akan dihalang menduduki peperiksaan.
6. Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang (LKPU), Pejabat LKPU dan/ atau Universiti Malaya **TIDAK AKAN** bertanggungjawab ke atas apa-apa

kehilangan atau kerosakan barang-barang yang diletakkan di luar Dewan Peperiksaan.

SEMASA PEPERIKSAAN

7. PSAG akan dimulakan pada **jam 9.00 pagi dengan tempoh membaca selama 15 minit dan tempoh menjawab selama 3 jam untuk setiap mata pelajaran kecuali bagi mata pelajaran Kertas Am (*General Paper*) yang mana tempoh membaca ialah selama 20 minit.**
8. Calon akan dibenarkan masuk oleh Ketua Pengawas Peperiksaan ke dalam Dewan Peperiksaan lebih kurang 30-45 minit sebelum tempoh membaca bermula bagi membolehkan prosedur semakan tertentu dijalankan. Calon hendaklah masuk ke dalam Dewan Peperiksaan **dengan tertib.**
9. Calon hendaklah membawa Kad Pengenalan dan Slip Menduduki Peperiksaan yang dikeluarkan oleh Pejabat LKPU setiap kali menghadiri peperiksaan dan diletakkan di sudut meja sebelah kanan sepanjang masa peperiksaan untuk tujuan pemeriksaan oleh Pengawas Peperiksaan. **CALON YANG TIDAK MEMBAWA KAD PENGENALAN DAN SLIP MENDUDUKI PEPERIKSAAN TIDAK AKAN DIBENARKAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN.**
10. Calon hendaklah mematuhi semua arahan Pengarah PSAG, Ketua Pengawas Peperiksaan dan Pengawas Peperiksaan semasa berada dalam Dewan Peperiksaan.
11. Calon tidak dibenarkan meninggalkan Dewan Peperiksaan dalam masa **30 minit selepas peperiksaan bermula** dan **15 minit sebelum peperiksaan berakhir.**
12. Dalam masa 10 minit sebelum peperiksaan dimulakan, calon **hendaklah –**
 - (i) **mengisi Slip Kedatangan Peperiksaan** dan meletakkannya di sudut meja sebelah kanan untuk dikutip oleh Pengawas Peperiksaan; dan

- (ii) **membaca dan mematuhi arahan serta melengkapkan maklumat yang dikehendaki di muka hadapan Buku Jawapan.**

13. Semasa menduduki peperiksaan, calon **TIDAK DIBENARKAN** -

- (i) meniru;
- (ii) menipu;
- (iii) membawa masuk apa-apa bahan bertulis, bahan bercetak, gambar, buku, nota, kertas, dokumen atau bahan rujukan melainkan statut-statut bagi mata pelajaran yang dibenarkan seperti disenaraikan di perenggan 23;
- (iv) menerima daripada mana-mana orang lain semasa berada dalam Dewan Peperiksaan apa-apa bahan bertulis, bahan bercetak, gambar, buku, nota, kertas, dokumen atau bahan rujukan;
- (v) membawa masuk makanan, beg, beg tangan, bekas/beg alatulis atau barang-barang berharga;
- (vi) membawa masuk alat-alat elektronik termasuk *smart watch*;
- (vii) berhubung/berkomunikasi dengan, atau memberi/menerima apa-apa bantuan kepada/daripada, mana-mana calon lain; dan
- (viii) mengganggu ketenteraman calon lain.

SEKIRANYA TERTANGKAP, TINDAKAN CALON AKAN DILAPORKAN KEPADA LKPU DAN CALON ADALAH TERTAKLUK KEPADA APA-APA KEPUTUSAN OLEH LKPU TERMASUK MENAHAN CALON DARIPADA MENGAMBIL PSAG UNTUK SUATU TEMPOH TERTENTU ATAU SELAMA-LAMANYA.

14. Calon **TIDAK** digalakkan membawa **TELEFON BIMBIT** ke dalam Dewan Peperiksaan. Sekiranya ada mana-mana calon yang terbawa telefon bimbit, ia

hendaklah berada dalam keadaan “*off mode*” sepanjang waktu peperiksaan dan calon tidak dibenarkan membawa telefon bimbit ke tandas;

15. Calon yang perlu ke tandas hendaklah mengangkat tangan dan memaklumkan kepada Pengawas Peperiksaan. Calon hendaklah **mengisi Buku Rekod Keluar/ Masok Dewan Peperiksaan** dan akan diiringi oleh seorang Pengawas Peperiksaan. Calon dilarang ke tandas secara berkumpulan bersama calon-calon lain.
16. Apabila Ketua Pengawas Peperiksaan membuat pengumuman untuk membuka Kertas Soalan, calon –
 - (i) **hendaklah pastikan bahawa Kertas Soalan yang diberikan adalah yang betul serta muka surat yang cukup sebelum mula menjawab** dan sekiranya terdapat sebarang kesilapan, calon hendaklah dengan serta merta memberitahu Pengawas Peperiksaan bertugas; dan
 - (ii) boleh membaca Kertas Soalan dan membuat catatan pada Kertas Soalan atau menggunakan *highlighter*.
17. Calon hendaklah **membaca dan mematuhi arahan yang tercetak pada muka hadapan Kertas Soalan** termasuk yang berhubung dengan bilangan soalan yang perlu dijawab bagi sesuatu mata pelajaran. Pastikan semua soalan dijawab berdasarkan arahan pada Kertas soalan. **Jawapan yang melebihi bilangan yang dibenarkan TIDAK AKAN diberikan markah oleh Pemeriksa.**
18. **Calon hendaklah memastikan TULISAN DALAM BUKU JAWAPAN HENDAKLAH YANG BOLEH DIBACA (LEGIBLE).** Jawapan yang menggunakan bahasa Sistem Pesanan Ringkas (SMS/MMS), *WhatsApp* atau seumpamanya tidak dibenarkan.
19. Apabila Ketua Pengawas Peperiksaan membuat pengumuman waktu tamat peperiksaan, calon hendaklah berhenti menulis dan menyusun serta mengikat

Buku Jawapan dan Buku Jawapan Tambahan. **Menggaris atau menyerlah (*underlining or highlighting*), menulis maklumat dan nombor soalan di muka hadapan Buku Jawapan, menulis nombor soalan di sebelah atas setiap muka surat, membaca atau membetulkan jawapan hendaklah dibuat sebelum waktu tersebut. MANA-MANA CALON YANG DIDAPATI MASIH LAGI MENULIS SELEPAS PEPERIKSAAN DIUMUMKAN TAMAT OLEH KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN, APA-APA JAWAPAN YANG DITULIS SELEPAS PENGUMUMAN TERSEBUT DIBUAT AKAN DIBATALKAN.**

20. Calon hendaklah memastikan semua Buku Jawapan dan Buku Jawapan Tambahan diserahkan sewaktu proses pengumpulan Buku Jawapan.
21. Calon dibenarkan membawa keluar Kertas Soalan hanya selepas tamat peperiksaan. Buku Jawapan/Buku Jawapan Tambahan yang telah digunakan, rosak atau kosong **TIDAK DIBENARKAN** di bawa keluar daripada Dewan Peperiksaan.
22. Calon dikehendaki berada di tempat duduk masing-masing selepas tamat peperiksaan dan hanya **DIBENARKAN** keluar dari Dewan Peperiksaan setelah mendapat arahan daripada Ketua Pengawas Peperiksaan. Calon dikehendaki keluar dari Dewan Peperiksaan dengan tertib.
23. Sebelum keluar Dewan Peperiksaan, calon hendaklah memastikan Kad Pengenalan dan semua barangan peribadi tidak ditinggalkan dalam Dewan Peperiksaan. Sila hubungi Pejabat LPKU atau Seksyen Peperiksaan, Universiti Malaya jika calon telah tertinggal Kad Pengenalan atau barangan peribadi.

STATUT YANG DIBENARKAN

24. Bagi setiap mata pelajaran, statut-statut yang dibenarkan dibawa masuk ke dalam Dewan Peperiksaan adalah seperti yang berikut:
 - (i) Prosedur Sivil : *Rules of Court 2012* atau Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012;

- (ii) Amalan Profesional: *National Land Code 1965 [Act No 56 of 1965]* atau
Kanun Tanah Negara 1965 [Akta No 56 Tahun 1965];
- (iii) Keterangan : *Evidence Act 1950 [Act 56]* atau
Akta Keterangan 1950 [Akta 56]; dan
- (iv) Prosedur Jenayah : *Criminal Procedure Code [Act 593]* atau
Kanun Prosedur Jenayah [Akta 593].

25. **Semua calon hendaklah mengambil perhatian kepada peraturan mengenai statut yang berikut:**

- (i) Apa-apa Akta ibu atau perundangan subsidiari [seperti Peraturan (*Regulations*) atau Kaedah (*Rules or Orders*)] selain daripada yang dinyatakan di perenggan 23 adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- (ii) Statut yang dinyatakan di atas **TIDAK AKAN** dibekalkan oleh Pejabat LKPU;
- (iii) **Tiada statut yang dibenarkan** dibawa masuk ke dalam Dewan Peperiksaan untuk mata pelajaran Kertas Am (*General Paper*);
- (iv) Statut-statut di dalam bentuk '*binders*' yang longgar (*loose binders*) **tidak dibenarkan**.
- (v) Statut-statut yang dibenarkan termasuk apa-apa **pindaan kepada perundangan yang telah diwartakan** (*gazetted*).

(vi) **STATUT YANG DIBAWA MASUK MESTILAH TIDAK MENGANDUNGI APA-APA CATATAN ATAU NOTA.**

(ix) Calon-calun **TIDAK DIBENARKAN** menggunakan '*highlighter*' untuk menyerlahkan abjad, perkataan dan/atau ayat dalam buku statut.

26. Kesemua statut yang dibawa masuk ke dalam Dewan Peperiksaan akan disemak oleh Pengawas Peperiksaan untuk memastikan pematuhan peraturan di bawah perenggan 24. Sekiranya berlaku pelanggaran peraturan tersebut, Pejabat LKPU akan **MERAMPAS DAN MENYIMPAN STATUT YANG BERKENAAN SEHINGGA TAMAT PEPERIKSAAN DAN STATUT GANTIAN TIDAK AKAN DIBEKALKAN KEPADA CALON.**

27. Calon yang gagal hadir atas sebab-sebab kesihatan atau kes-kes kecemasan yang lain hendaklah memaklumkan dan menghantar bukti rasmi kepada Pejabat LKPU dengan **SERTA MERTA.**

SELAMAT MENGHADAPI PEPERIKSAAN!!!

HASLINA MANSOR
Pengarah, Peperiksaan Amalan Guaman
Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang

8 Jun 2017